

ALAT RUBBER GRIP MEMBANTU MENINGKATKAN KEMAHIRAN PRATULIS KANAK-KANAK

Noorashikin Edin
Hashimah Hashim
Mohd Azmi Mat Yusoff
Noraida Omar

Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam
shikinphd@gmail.com

ABSTRAK

Di dalam dokumen Permata Negara (2008) pada Hasil Pembelajaran fizikal dan psikomotor kanak-kanak 2 hingga 3 tahun, jelas menyatakan bahawa pada usia tersebut kanak-kanak boleh/dapat memegang alatulis dengan betul. Manakala di dalam dokumen Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan 2017) pada tunjang komunikasi bahasa Melayu di dalam Standard Pembelajaran BM3.1.1 juga menyatakan hal yang sama. Ini membuktikan bahawa kemahiran menguasai pratulis merupakan perkara asas yang penting bermula hanya dengan memegang alatulis tersebut. Namun, mengajar kanak-kanak memegang alatulis bukanlah perkara yang mudah kerana melibatkan penguasaan kemahiran koordinasi mata-tangan dengan baik. Jika tidak ditangani dengan betul kanak-kanak boleh mengamuk dan ibu bapa/guru juga cenderung putus asa. Hal ini mungkin menjadi lebih sukar jika kanak-kanak sudah mencapai satu posisi yang 'pelik' untuk memegang alatulis. Kajian ini merupakan kajian tindakan yang bertujuan untuk membantu kanak-kanak meningkatkan kemahiran pratulis dengan menggunakan alat Rubber Grip. Responden terdiri daripada tiga orang kanak-kanak prasekolah yang mengalami masalah pratulis memegang pensel dengan betul. Dapatan kajian menunjukkan dengan menggunakan alat Rubber Grip telah dapat membantu responden menangani isu pratulis dalam masa hanya seminggu sahaja. Justeru adalah disarankan agar kanak-kanak dilatih memegang alatulis dengan cara yang betul sedari awal seperti yang dinyatakan di dalam dokumen Permata Negara (2008).

Kata kunci : *Pratulis, memegang pensel, tunjang komunikasi Bahasa Melayu, Dokumen Permata Negara*


PENGENALAN

Kemahiran pratulis merupakan salah satu kemahiran yang penting sebagai seorang kanak-kanak. Kemahiran ini perlu diajar semasa kanak-kanak berada di taska dan prasekolah lagi. Di dalam dokumen Permata Negara (2008) pada Hasil Pembelajaran fizikal dan psikomotor kanak-kanak 2

hingga 3 tahun, jelas menyatakan bahawa pada usia tersebut kanak-kanak boleh/dapat memegang alatulis dengan betul. Manakala di dalam dokumen Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan 2017) pada tunjang komunikasi bahasa Melayu di dalam Standard Pembelajaran BM3.1.1 juga menyatakan hal yang sama. Ini membuktikan bahawa kemahiran menguasai pratulis merupakan perkara asas yang penting bermula hanya dengan memegang alatulis tersebut. Semenjak tahun 1980-an kebanyakan ahli terapi berusaha memperbaiki cengkaman kanak-kanak pada pensel dengan betul kerana cara cengkaman yang betul merupakan asas pembentukan huruf dan tulisan tangan. Falsafah Pendidikan Kebangsaan berusaha untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Ciri-ciri kemahiran asas dalam pembangunan unsur intelek 3M, iaitu membaca, menulis, dan mengira amat dititikberatkan dalam sistem pendidikan Malaysia.

Kemahiran menulis boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu kemahiran menulis secara mekanis dan kemahiran menulis secara mentalis (pelahiran). Menurut Chomsky (1957), kemahiran menulis secara mekanis adalah kemahiran menulis pada peringkat awal yang perlu dikuasai agar murid dapat menghasilkan tulisan yang kemas dan mudah dibaca. Kemahiran menulis secara mentalis (pelahiran) pula selalunya dikuasai oleh murid-murid setelah mereka mendapat kemahiran mekanis. Kemahiran ini banyak melibatkan mental seperti latihan pernyataan pendapat dan buah fikiran, latihan pernyataan perasaan, latihan pernyataan keinginan sesuatu dan latihan mengeluarkan idea yang tulen dari pemikiran sendiri.


Semasa kanak-kanak mula-mula menulis menggunakan pensel, krayon atau berus, mereka menggunakan genggam *dagger* (keris) untuk mengendalikan alat tulis mereka. Ini kerana dalam urutan perkembangan semula jadi kemahiran motor halus, kanak-kanak akan memegang alat menulis dalam pelbagai genggam sehingga mereka matang pada cengkaman *tripod*. Urutan perkembangan ini adalah hasil daripada pertumbuhan saraf dan fizikal pada kanak-kanak. Pada Rajah 1, ditunjukkan perkembangan genggam dan kemahiran yang berbeza mengikut peningkatan umur.



Rajah 1: *Movement and Motor The Development of Appropriate Pencil Grip*
 Sumber: Key Area: Movement and Motor The Development of Appropriate Pencil Grip <https://charlton-on-otmoor.sch.life/Files/Download/909930a3-b953-40a5-b4e7-9d9f981fe099/50221071-88c6-45f7-bc8a-64d444511c47/pencil%20grip.pdf>

Guru lebih mudah memperkenalkan dan mengukuhkan cara yang betul untuk memegang pensel dari peringkat awal, daripada mencuba dan menukar cara memegang alat tulis yang tidak cekap di kemudian hari dalam pembelajaran di sekolah di mana kanak-kanak itu telah terbiasa menggunakannya selama beberapa tahun. Adalah dirasakan bahawa kesukaran menulis tangan boleh dielakkan pada tahun-tahun kemudian jika terdapat penekanan awal pada kemahiran motor halus yang kuat, belajar cara memegang pensel dan latihan tetap tentang cara menggunakannya.

Schneck dan Henderson (1990) telah mencipta skala perkembangan yang menunjukkan genggaman pensel yang dapat dimanfaatkan oleh kanak-kanak. Berdasarkan Rajah 2, perkembangan jenis-jenis genggaman yang tidak matang ialah dari (a) hingga (h) manakala jenis-jenis genggaman yang matang ialah (i) dan (j).



Rajah 2: Ilustrasi Definisi Operasi bagi Postur Genggaman mengikut Urutan Pembangunan (Sumber: Schneck & Henderson 1990)

Tinjauan masalah mendapati tiga orang murid di sebuah prasekolah daerah Hulu Langat mengalami masalah memegang alat tulis. Mereka menggunakan cara *Quadrapod*. Keadaan ini menyebabkan otot jari mereka menjadi mudah penat serta menyukarkan mereka mewarna dan menulis abjad. Justeru, pengkaji mencuba alat *Rubber Grip* yang dibeli dari aplikasi pembelian atas talian *Shopee* untuk menangi isu tersebut.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk:

- i. Meningkatkan kemahiran pratulis kanak-kanak dengan menggunakan alat *Rubber Grip*.

Soalan Kajian

- i. Adakah alat *Rubber Grip* dapat meningkatkan kemahiran pratulis kanak-kanak?

SOROTAN LITERATUR


Menurut Lynch (2018), cengkaman pensel yang baik memudahkan pembentukan huruf si penulis, kelajuan dan ketahanan seseorang semasa menulis. Cengkaman pensel yang cekap datangnya dari alat tulis yang dikawal hanya melalui pergerakan jari. Ini berlaku apabila jari kelingking menyokong seluruh tangan pada permukaan tulisan, membolehkan jari-jari lain memegang dan menggerakkan alat tulis.

Memegang alat tulis dengan betul memerlukan ketangkasan otot jari dan tangan yang kuat. Cengkaman alat tulis yang betul akan membolehkan penulis menggerakkan jari, mengawal alat tulis dengan pergerakan jari yang cekap. Keupayaan memegang alat tulis dengan betul boleh mempengaruhi sikap kanak-kanak terhadap pembelajaran dan rutin kerja sekolah, pencapaian akademik mereka serta perkembangan motor dan sendi mereka. Cengkaman yang salah adalah menyakitkan dan menyebabkan jari dan tangan kanak-kanak cepat letih.

Menurut pakar, umur 3 tahun adalah usia yang ideal untuk mula belajar genggam pensel yang betul. Cara terbaik untuk kanak-kanak menggunakan genggam pensel ialah melalui kelas seni, di mana mereka akan belajar melukis, mewarna dan mengikut corak. Kanak-kanak yang mempelajari genggam pensel yang betul lebih menggemari aktiviti motor halus, kerana tangan mereka tidak sakit akibat melukis dan mewarna.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian tindakan. Pengkaji telah melaksanakan pelan tindakan yang mudah bagi menangani isu pratulis responden. Rajah 3 menunjukkan cara penggunaan *Rubber Grip* tersebut. Responden menggunakan alat ini selama seminggu. Pada minggu berikutnya, responden diminta memegang pensel dan melakukan aktiviti mewarna dan menulis tanpa alat tersebut.





Rajah 3: Cara Penggunaan Alat *Rubber Grip*

DAPATAN KAJIAN

Melalui kajian ini, pengkaji mendapati bahawa bimbingan secara individu serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan terhadap responden amat berkesan.

Hal ini kerana melalui alat *Rubber Grip* tersebut pengkaji dapat membantu responden untuk memperkembangan kemahiran menulis dari segi genggamans pensel dengan cara yang betul semasa proses pembelajaran dan pengajaran. Guru prasekolah yang bertindak sebagai salah seorang pasukan pengkaji juga harus bijak menyesuaikan bimbingan serta aktiviti yang sesuai dengan tahap pelbagai kecerdasan murid agar objektif pembelajaran dan pengajaran pada hari tersebut tercapai.

Selain itu, berdasarkan kajian yang dijalankan terhadap isu yang dihadapi oleh para responden, pengkaji mendapati bahawa tindakan yang dilaksanakan dapat membantu responden cara memegang pensel dengan kedudukan jari yang betul dalam masa seminggu sahaja. Walaupun peringkat genggamans pensel masih pada peringkat yang kurang matang, namun responden telah cuba untuk memperbaiki cara genggamannya ke peringkat yang seterusnya. Rajah 4 menunjukkan perubahan cara memegang pensel Responden A sebelum dan selepas menggunakan alat *Rubber Grip*.

	
<p>Sebelum menggunakan alat <i>Rubber Grip</i>, responden menggunakan kesemua lima jari untuk memegang pensel serta nampak lebih <i>restless</i>.</p>	<p>Setelah menggunakan alat <i>Rubber Grip</i>, responden sudah terlazim memegang alat tulis menggunakan tiga jari sahaja dan nampak lebih relaks semasa aktiviti mewarna.</p>

Rajah 4: Perubahan cara memegang pensel Responden A sebelum dan selepas menggunakan alat *Rubber Grip*.

KESIMPULAN KAJIAN

Kesimpulannya, penyelidikan tindakan ini telah memberi kesan yang positif kepada para responden. Mereka telah menunjukkan peningkatan yang

membanggakan. Justeru objektif kemahiran pratulis yang perlu dikuasai kanak-kanak untuk membolehkan mereka memegang alatulis dengan betul di dalam dokumen Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan 2017) pada tunjang komunikasi bahasa Melayu di dalam Standard Pembelajaran BM3.1.1 tercapai dengan lebih mudah dengan adanya alat *Rubber Grip* ini. Mengajar kanak-kanak memegang alatulis bukanlah perkara yang mudah kerana melibatkan penguasaan kemahiran koordinasi mata-tangan dengan baik. Jika tidak ditangani dengan betul kanak-kanak boleh mengamuk dan ibu bapa/guru juga cenderung putus asa. Hal ini mungkin menjadi lebih sukar jika kanak-kanak sudah mencapai satu posisi yang 'pelik' untuk memegang alatulis

SYOR CADANGAN KAJIAN

Adalah disarankan kepada semua pendidik di taska dan guru prasekolah menggunakan alat *Rubber Grip* ini sebagai salah satu alat bantu bagi menangani isu pratulis kerana telah terbukti alat ini bukan sahaja berjaya mengatasi isu dengan segera, bahkan harganya murah serta mudah didapati melalui pembelian atas talian.

RUJUKAN

Chomsky, N. (1957). Logical Structure in Language. *American Documentation*; New York, N.Y. Vol. 8, Iss. 4, (Oct 1, 1957): 284.
Dokumen Permata Negara (2008).

Dokumen Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan 2017).

Lynch, V. (2018). Why is correct pencil grip important? <https://hivekids.com.au/2018/07/05/why-is-correct-pencil-grip-important/#:~:text=Holding%20a%20pencil%20or%20pen,pen%20with%20efficient%20finger%20movements.>

Schneck, C. M., & Henderson, A. (1990). Descriptive analysis of the developmental progression of grip position for pencil and crayon control in nondysfunctional children. *The American Journal of Occupational Therapy*.: Official Publication of the American Occupational Therapy Association, 44(10), 893-900.